

# Catatan Pelayar Barat dan Karangan Cendekiawan Melayu

## Kisah Sejarah Negeri Perlis Sekitar Abad ke-16 hingga Abad ke-20

Muhamad Safwan Mohd A'seri  
Universiti Malaya

Mohd Kasturi Nor Abd Aziz  
Universiti Malaysia Perlis

Hazman Hasan  
Universiti Utara Malaysia & Jabatan Agama Islam Negeri Perlis

### Abstrak

Nama Perlis tidak termasyhur sepermulaan nama Melaka, Johor, Kedah dan negeri-negeri Melayu yang lain. Namun tidak bererti perkataan ‘Perlis’ yang merupakan sebuah kawasan kemudian menjadi kerajaan berdaulat telah ‘lenyap’ dalam penulisan sejarah sekitar abad ke-16 hingga abad ke-19. Perkara ini terbukti dalam penemuan catatan para pelayar Barat tentang sebuah kawasan yang bernama ‘Perlis’ oleh Ferano Mendes Pinto, Diogo de Medoca Furtado dan Sherard Osborn. Karangan para cendekiawan Melayu seperti *Salasilah Perlis*, *Salasilah DYMM Raja-Raja Perlis*, *Seri Indera Kayangan*, *Nota-Nota Sejarah Negeri Perlis*, *Al-Tarikh Salasilah Negeri Kedah*, *Peringatan Raja-Raja Kedah*, *Salasilah Atau Tarekh Kerja-an Kedah* juga kaya dan sarat dengan kisah sejarah negeri Perlis atau peristiwa yang pernah berlaku di dalam negeri tersebut. Sehubungan itu, makalah ini berfokus kepada skop peristiwa yang pernah dikarang oleh para pelayar Barat seperti gambaran Perlis pada sekitar abad ke-16. Disamping dengan tinjauan terhadap karya pensejarahan tempatan dengan membincangkan kandungan sejarah negeri Perlis khusus perjalanan peristiwa dari sebuah jajahan kerajaan Kedah kepada menjadi sebuah negeri berdaulat disamping episod yang berlaku di Perlis ketika zaman pra-British. Bagi tujuan tersebut, makalah ini akan turut menerapkan aspek sejarah secara umum serta memasukkan kajian perbandingan tekstual bagi menguji nilai kesejarahannya.

**Kata kunci:** *Sejarah negeri Perlis, catatan pelayar Eropah, cendekiawan Melayu & pensejarahan*

### Pengenalan

Kedatangan ajaran Islam dan pengembara-pengembara Barat ke negeri Kedah atau Melaka telah membawa kepada pengenalan sebuah kawasan bernama Perlis dengan lebih dekat.

Sebelum ejaan ‘Perlis’ digunakan pada hari ini, bermula dari abad ke-16 hingga abad ke-19 masih terdapat pelbagai ejaan dan istilah yang tertulis di dalam rekod-rekod pelayar Eropah, pemerintah Siam serta cendekiawan Melayu seperti *Perleys*, *Purleys*, *Parles*, *Purlis*, *Parlis*, *Polit*, *Pelit*, *Palit* ataupun *Kayang*. Kenyataan ini turut menafikan pandangan bahawa kewujudan nama ‘Perlis’ hanya jelas dan popular sekitar abad ke-19, khusus ketika siri perperangan di antara Kesultanan Kedah dengan Ligor (Siam) ataupun kisah pemisahan Perlis daripada Kedah. Kepelbagaian istilah tersebut menunjukkan bahawa sekitar abad ke-16, Perlisyang berstatus tanah jajahan takluk Kesultanan Kedah turut menjadi tumpuan persinggahan para pelayar Eropah untuk berdagang atau memperoleh bekalan makanan. Kedudukan Perlis yang terletak di sebelah tenggara Wilayah Setul, Thailand manakala barat laut dan utara Daerah Kubang Pasu, Kedah. Pantai barat Perlis menghadap Selat Melaka serta di bahagian timur laut bersempadan dengan Wilayah Songkhla, Thailand. Struktur geografi dan persempadanan yang ada pada hari ini adalah lebih kecil daripada Perlis yang wujud sebelum tahun 1909.<sup>1</sup> Kini keluasan Perlis sekitar 795 km persegi dengan populasi penduduk sekitar lebih kurang 250,000 orang sahaja hingga tahun 2016. Oleh itu, perkaitan sejarah antara Perlis dengan Kedah sebelum tahun 1843 merupakan sebahagian daripada memori kolektif yang tidak dapat dipisahkan. Ikatan yang rapat disebabkan dahulu Perlis merupakan sebuah jajahan Kesultanan Kedah. Oleh itu, amat jarang sekali ditemui rekod-rekod pembincangan khusus diketengahkan, kerana Perlis disebut secara umum sebagai ‘Negeri Kedah dan jajahan-jajahan takluknya’ atau ‘Kesultanan Kedah dan jajahan-jajahan takluknya’ sahaja. Namun demikian, Jajahan Perlis sudah mempunyai keistimewaan tersendiri daripada jajahan-jajahan Kesultanan Kedah yang lain seperti Setul, Kubang Pasu, dan lain lagi, sekiranya diselidik daripada aliran sejarah Kesultanan Kedah semenjak dari awal kedatangan dan penyebaran agama Islam.

Selepas suku abad ke-14 sehingga awal abad ke-17 Masihi, terdapat lapan orang Sultan Kedah yang bersemayam dan berkerajaan di Kota Seputih, Mukim Pering, Kubang Pasu iaitu, Sultan Ibrahim Shah (1321-1373), Sultan Sulaiman Shah (1373-1423), Sultan Ataullah Muhammad Shah (1423-1473), Sultan Muhammad Jiwa Zainal Azilin Mu’adzam Shah (1473-1506), Sultan Mahmud Shah II (1506-1547), Sultan Muzaffar Shah (1547-1602), Sultan Sulaiman Shah II (1602-1626) dan Sultan Rijaluddin Muhammad Shah (1626-1652).

Jarak laluan darat Kota Seputih dengan sempadan negeri Perlis sekarang sekitar 7 kilometer dan 28 kilometer melalui anak-anak sungai ke pantai Kuala Perlis. Perkara ini menunjukkan bahawa jarak ke perairan Selat Melaka dari Kota Seputih melalui Sungai Perlis adalah lebih dekat lagi daripada menggunakan Sungai Kedah. Untuk ke Kota Seputih, laluan darat serta laluan sungai untuk keluar-masuk dari laut adalah lebih menguntungkan Kuala Perlis daripada Kuala Kedah. Namun tidak dinafikan bahawa sungai-sungai Perlis, Kedah dan Kuala Muda adalah memainkan peranan yang penting dalam kegiatan perdagangan antarabangsa. Urus niaga tersebut melibatkan negeri Kedah dengan wilayah-wilayah

<sup>1</sup> Kesan Perjanjian British – Siam 1909.

Thailand terutama Nakhon Sitammarat (Ligor), Patani, Chenak, Singgora, dan wilayah lain di selatan Siam<sup>2</sup>

Semasa pemerintahan Sultan Mahmud Shah Melaka (1488-1511), salah seorang daripada Sultan Kedah yang bersemayam di Kota Siputeh iaitu Sultan Mahmud Shah II telah berangkat ke Melaka untuk diiktraf serta dinobatkan oleh Kerajaan Agung Melayu tersebut. Tindakan tersebut menunjukkan negeri Kedah serta jajahan-jajahan takluknya termasuk Perlis bernaung di bawah Kesultanan Melayu Melaka. Walau bagaimanapun, dengan kejatuhan Melaka 1511, menyebabkan pengaruh Aceh bertapak di Kedah serta tanah jajahannya khusus dalam aspek politik dan urusan perdagangan. Terbukti apabila ditemui banyak batu nisan Aceh (Batu Aceh) di beberapa tempat di negeri Perlis dan Kedah.

### Catatan Pelayar Barat dan Kisah Sejarah Negeri Perlis Sekitar Abad ke-16 hingga Abad ke-20

Sehingga kini nama Sungai Perlis sudah wujud pada abad ke-17 melalui catatan seorang pelayar Portugis. Pada tahun 1539, Ferdinand Mendez (Ferano Mendes) Pinto yang singgah sebentar di Sungai Perlis dan ditulis seperti mana berikut;

*we sailed two day and an half with favourable wind by means we got to the river of Parles in the kingdom of Queda...Being departed from the river of Parles on a Saturday about sunset...<sup>3</sup>*

*anchored at the mouth of the Parles River near Alor Star to trade 1539*

Dalam peristiwa ini, Pinto dikatakan telah sampai ke Kedah ketika hari pemakaman Sultan Mahmud yang disempurnakan oleh Sultan Muzaffar Shah. Sekiranya merujuk sumber-sumber sejarah tempatan, sebenarnya Sultan Mahmud telah mangkat di Kota Seputih pada tahun 1546 bersamaan 953 Hijrah. Timbul kemungkinan bahawa pencatat riwayat Pinto iaitu Maurice Collis terkeliru dengan tarikh 1539 Masihi dengan tahun 953 Hijrah. Akan tetapi yang pasti bahawa kedatangan Pinto ke Perlis pada abad ke-16 iaitu sekitar tahun 1539 hingga 1546.

Pada 19 Disember 1606, Kedah bersekutu dengan Belanda sebagai pakatan perdagangan dan menyerang Melaka melalui darat dan pertempuran dengan Gabenor Portugis, Dom Andre Furtado de Mendonca. Serangan pihak Belanda diketuai oleh Pietier Vander Dussen. Kemudian pasukan ini telah menyerang Melaka dari arah laut. Pada tahun 1611, sebagai tindakan membala dendam, Laksamana Portugis, Diogo de Mendonca Furtado telah berpaktat dengan pihak Burma telah menyerang Kuala Perlis dan Kuala Kedah.

*On 19 December 1606, Kedah allied with the Dutch as by the trade pact of 18.8.1606, attacked Malacca by land and gave battle to the Portuguese Governor, Dom Andre Furtado de Mendonca and his Japanese allies while the Dutch under Pietier Vander Dussen*

<sup>2</sup> Ahmad Ismail dan Yazid Mat, *Perlis Indera Kayangan Sejarah Pembentukan Sebuah Negeri Berdaulat*, Kangar: Perbadanan Perpustakaan Awam Negeri Perlis, 1992, hlm. 2.

<sup>3</sup> Ferdinand Mendez Pinto, diterjemah oleh Henry Cogan, *The Voyages And Adventures Of Ferdinand Mendez Pinto: The Portuguese*, London: T. F. Unwin, 1891, hlm. 45-46.

*Rebelion attacked by sea with a gully and war barges and returned on the 27th after Malacca had fallen. To avenge the Portuguese Admiral, Diogo de Medoca Furtado allied with Ava sailed down from Teneassserim in 1611 and sacked Kuala Perlis and Kuala Kedah<sup>4</sup> with fire and sword.<sup>5</sup>*

Namun menurut R.Bonney, tindakan untuk menyerang Kuala Perlis dan Kuala Kedah turut dilakukan bagi pihak Raja Siam<sup>6</sup> iaitu ketika Dinasti Sukhothai.Pada 1621, Augustine de Beaulieu, seorang Jeneral berbangsa Perancis semasa pemerintahan King Louis XIII (1610 - 1643) telah menulis di dalam jurnalnya;

*From letters from Sieur D'Espine: I see that he arrived in Perleys two days after leaving me<sup>7</sup>*

*One the 2nd September a perahu arrived. It had left Queda or Perleys three day before*

Dicatatkan bahawa beliau telah sampai ke Pulau Langkawi rangka lawatannya untuk menyiasat keadaan di rantau Asia Tenggara sebagai suatu langkah ke arah penubuhan French East India Company.

Dalam penulisan Thomas Bowrey mengenai negara-negara di sekitar Teluk Bengal,<sup>8</sup> telah menyebut mengenai Kedah serta Pulau Langkawi.<sup>9</sup> Thomas Bowrey dalam surat bertarikh 16 November 1670, menyatakan bahawa beliau mengarahkan supaya di hantar sekitar lima hingga enam orang lelaki ke Pulau Langkawi atau Perlis untuk membeli lada hitam berkualiti dengan harga yang berpatutan.

*send 5 or 6 more [men] to goe to Pullo Ladda or Purles, which are places belonging to this King [of Kedah] where Tinn and pepper may be bought at cheaper rates then here...<sup>10</sup>*

Untuk makluman Pulau Langkawi dahulunya dikenali sebagai Pulau Lada, kerana antara tahun 1669 hingga 1679 pulau ini sangat terkenal bagi pelayar Eropah sebagai kawasan penanaman lada hitam yang berkualiti sekitar kawasan-kawasan lain di Teluk Bengal. Hal ini kerana menurut Thomas Bowrey, di sepanjang persisir Kedah tidak ditemui sebarang tanaman utama di negeri Kedah, kecuali ditemui di Pulau Lada. Walaupun sedia maklum Kedah sudah terkenal dengan penanaman padi sejak abad ke- 15, akan tetapi beliau telah

<sup>4</sup> Mohamed G. Khan, *History of Kedah*, Penang: Penang Premier Press, 1958, hlm. 88.

<sup>5</sup> Richard Olof Winstedt, 'Notes on the History of Kedah', *Journal of the Malayan Branch of the Royal Asiatic Society of the Great Britain and Ireland*, V. 14, pt. 3, 1936, Singapore: Malayan Branch, Royal Asiatic Society, hlm.155.

<sup>6</sup> R. Bonney, *Kedah, 1771-1821: The Search For Security And Independence*, Kuala Lumpur: Oxford University Press, 1971, hlm. 15

<sup>7</sup> Augustin, J.F, 'Langkawi – 1621 A.D.', *Kedah Dari Segi Sejarah*, Jilid I, Bil.1.2, Kedah: Persatuan Sejarah Negeri Kedah, 1965.

<sup>8</sup> Bowrey, Thomas, *A Geographical Account of Countries Round the Bay of Bengal, 1669 to 1679*, Cambridge: Printed for the Hakluyt Society, 1905, hlm. 277.

<sup>9</sup> Horsburgh pada tahun 1805,

The Laddas...are high rugged Islands of barren aspect. Capt. Forrest calls the large central Island Pullo Ladda, which generally bears the name Lancava; and the Westernmost large Island commonly called Pulo Ladda he gives the name of Lancaway... Pepper is no longer grown in any quantity in these Islands.

<sup>10</sup> Ibid., hlm. 276 – 277.

menemui sebuah pulau berkedudukan arah barat laut sungai Kedah<sup>11</sup> yang dikenali sebagai Pulau Lada. Harga jualan yang berpatutan menjadi pemangkin kepada pelayar Eropah untuk singgah di Perlis serta Pulau Langkawi untuk melakukan urusan perdagangan lada hitam.

Pada tahun 1602, Sultan Sulaiman Shah II menaiki takhta Kesultanan Kedah, beliau turut bersemayam di Kota Seputih sepetimana ayahandanya. Namun selepas empat tahun, baginda telah ditawan dan dibawa ke Aceh.<sup>12</sup> Peristiwa mengenai Sultan Sulaiman Shah II dibawa lari ke Aceh dicatat oleh De Beaulieu sebagaimana berbunyi;

*....accordingly to the 'Pengoulou' would take ten or twelve days as the Roi (Sultan Kedah) had retreated a three days journey inland for fear of the armies of the Roi D'Achen (Sultan Aceh) who had destroyed the town of Queda and take up residence in Perleys.<sup>13</sup>*

Bukti kukuh Perlis wujud pada tahun 1621, pada era kerajaan Sultan Sulaiman Shah II (1602 – 1652) di Kota Seputih, Kedah. Kedudukan Kota Seputih begitu dekat dengan sebatang sungai yang dikenali sebagai Sungai Perlis. Air Sungai Perlis mengalir ke arah Mukim Arau – Mukim Kodiang – Mukim Jitra, menjadi kelaziman air sungai yang mengalir di atas tanah pamah ini tenang, perlahan dan tidak dalam. Walau bagaimanapun, sungai ini mampu dan luas untuk menampung beberapa buah perahu layar bergerak serta berselisih arah. Melalui sifar-sifat istimewa ini, menyebabkan Sungai Perlis telah menjadi nadi utama bagi pergantungan air seperti perahu dalam menghubungkan penempatan di Kota Seputih. Selain itu, para pedagang atau penduduk setempat boleh tiba di Kota Seputih menerusi muaranya dari kawasan Jitra, Mukim Naga atau Pengkalan Gelung yang berdekatan dengan Anak Bukit. Menurut Ibrahim Bakar Langkawi, disekitar Pengkalan Gelung struktur muara Sungai Perlis lebih luas dan dalam yang menyebabkan perhubungan lebih lancar. Melalui sungai ini seseorang dapat berlayar ke arah selatan sehingga ke kawasan Alor Setar kemudian ke Kuala Kedah untuk terus keluar ke kawasan laut (Selat Melaka).

Jarak Kota Seputih dengan Kota Kuala Kedah jika menyusuri sungai sejauh 25 kilometer manakala kedudukan Kota Seputih ke Kuala Perlis sekitar 26 kilometer. Dengan kedudukan Kota Seputih yang jauh ke dalam menyebabkan tempat ini lebih selamat daripada serangan mush. Sepetimana maklum, sebelum terbina jalan darat, perhubungan melalui sungai antara medium utama kepada jalinan perhubungan atau ‘lebuhraya’. Oleh itu, disepanjang sungai ini telah terbentuk beberapa kampung atau mukim, misalnya Pengkalan Gelung dianggarkan menjadi pusat transit barang untuk dibawa keluar dari pedalaman ataupun sebaliknya.<sup>14</sup>

Pada abad ke-17 hingga abad ke-19, sungai Perlis masih berperanan sebagai jalan perhubungan. Sungai Perlis amat berjasa sebagai laluan utama dalam kegiatan perdagangan antara pusat kerajaan Kedah dengan dunia luar tetapi turut digunakan dalam mengangkut bahan-bahan binaan semasa proses awal pembinaan Kota Seputih. menurut sumber lisan yang

<sup>11</sup>There is not any that groweth Upon the maine land of this Kingdome, but Upon an Island about 30 or 40 English miles in circuit called Pullo Ladda vizi Pepper Island..it is 8 leage to the NW of Quedah River's mouth.

<sup>12</sup>R. Bonney, Kedah, 1771-1821: *The Search For Security And Independence*, Kuala Lumpur: Oxford University Press, 1971, hlm. 15 – 16.

<sup>13</sup>Augustin, J.F, ‘Langkawi – 1621 A.D.’, *Kedah Dari Segi Sejarah*, Jilid I, Bil.1.2.

<sup>14</sup>Ibrahim Bakar Langkawi dan Haji Shaaran Haji Hasan, *Kota Seputih Lindungan Bulan Sebagai Pusat Pemerintahan Kedah Darul Aman*, Kedah: Persatuan Sejarah Malaysia Cawangan Kedah, 2014, hlm. 36.

diperoleh Ibrahim Bakar Langkawi daripada penduduk tempatan, tanah dan batu-bata untuk pembinaan kota telah dibawa melalui Sungai Perlis dari Teluk Tenggiri, Kedah. Jarak sungai ini dengan kedudukan Pintu Gerbang Utama Kota Seputih sekitar 650 kaki, dengan itu barang-barang sangat mudah diangkat ke dalam kota tersebut.<sup>15</sup> Di sebelah timur Kota Seputih telah dikorek sebuah terusan dan airnya mengalir ke dalam Sungai Perlis. Jarak terusan atau ‘sungai korok’ ini dengan kedudukan dinding kota hanya kira-kira 50 kaki sahaja, selain itu pada peringkat awal hasil tanah yang dikorek dengan menggunakan cara ‘sistem kerah’ akan dijadikan tambak dan dinding kota. Semakin dalam terusan ini dikorek, semakin baik keadaannya kerana dapat dijadikan sebagai pengkalan yang baik.

Selain itu, maklumat mengenai Perlis turut termuat dalam perutusan Edward Monckton (utusan Syarikat Hindia Timur Inggeris) kepada Sultan Kedah pada tahun 1772. Kiriman surat tersebut dinyatakan mengenai bekalan senjata api kepada Sultan Kedah, selain itu Edward Monckton menjelaskan ketika beliau di pantai Kuala Perlis terlihat begitu banyak senjata api yang dianggarkan lebih kurang 300 terdampar di pesisir pantai Perlis dalam keadaan berlumpur.

*In 1772, The Honourable Edward Monckton envoy of the East India Company to the Sultan Kedah, ... He will always give 100 percent, and if we do not supply him, the Danes will always find favour here'. At Perlis Monckton saw at least 300 guns lying about in the mud...<sup>16</sup>*

Pada tahun 1850, ketika zaman pemerintahan Raja Syed Hussin Jamalullail, Micheal Topping dalam kunjungannya ke Perlis telah memberi gambaran mengenai suasana Kuala Perlis, Kangar serta persempadanan Perlis ketika itu. Digambarkan bahawa dari Trang ke pantai laut Perlis sepanjangnya mempunyai pulau-pulau yang menjadi tempat perlindungan kapal-kapal kecil ketika pelajaran. Jarak antara Trang dan Perlis adalah kira-kira 24 leagues (ukuran kasar jarak dari laut kira-kira tiga batu untuk satu leagues). Selain itu, pantai laut (Kuala Perlis)cetek dan bertutup dengan pokok-pokok bakau. Perlis dijelaskan mempunyai bekalan beras yang banyak, haiwan ternakan seperti lembu dan memiliki banyak pokok kayu.

Negeri Perlis pada tahun 1850 mempunyai sungai sempit dan mendalam, pulau-pulau kecil yang berpasir menjadi laluan pintu masuk ke dalam kuala. Di pesisir pantai Kuala Perlis terdapat sebuah perkampungan nelayan yang dilindungi oleh beberapa buah meriam. Kemudian di Perlis terdapat sebuah pekan yang jarak antara Kuala Perlis dengan pekan tersebut sekitar empat hingga lima batu. Pekan tersebut merupakan lokasi bersemayam raja sebelum ini (Marhum Sena).<sup>17</sup> Kemudian sempadan Perlis dengan Gunung Jerai adalah 23 leagues.

<sup>15</sup>Ibid.,hlm. 38.

<sup>16</sup>Richard Olof Winstedt, ‘Notes on the History of Kedah’, *Journal of the Malayan Branch of the Royal Asiatic Society of the Great Britain and Ireland*, V. 14, pt. 3, 1936, Singapore: Malayan Branch, Royal Asiatic Society, 1936, hlm.179; James Low, ‘Notes on the Coal Deposits Which Have Been Discovered Along The Siamese Coast From Pinang to the Vicinity of Junkceylon’, *The Journal of the Indian Archipelago and Eastern Asia*, Vol. I, Singapore: Printed at the Mission Press, 1847, hlm. 146.

<sup>17</sup> Micheal Topping, ‘Some Account of Kedah’, *The Journal of the Indian Archipelago and Eastern Asia*, Vol. IV, Singapore: Printed for the Editor by G.M.Frederick, 1850, hlm. 42- 43.

Daripada fakta-fakta di atas khusus catatan para pelayar Eropah dapat dilihat bahawa Perlis sudah menjadi sebuah tanah jajahan yang penting buat Kesultanan Negeri Kedah sewaktu pusat pemerintahan Kedah berpusat di Kota Siputeh. Melalui penulisan *Blokade of Quedah* pada tahun 1838-1839, Sherard Osborn dalam catatannya turut menyentuh berkaitan Perlis. Beliau menyentuh mengenai kedudukan Perlis yang sering menjadi lokasi persinggahan kapal-kapal perang (*gun-boat*) Inggeris seperti *The Emerlad*, *Hyacinth*, *Diamond* dan beberapa buah lagi. Perbincangan sejarah mengenai Perlis yang terdapat dalam catatan Sherard Osborn kebanyakannya membabitkan episod penentangan pimpinan Kedah ke atas Siam yang diketuai Tunku Muhammad Saad, Dato Wan Ali dan sebagainya. Peperangan panjang yang meletus menyebabkan pada 3 April 1839 pasukan Tunku Muhammad Saad berundur dari Kota Kuala ke Langkawi, oleh kerana itu pihak British yang membantu Siam telah menghantar kapal *Hyacinth* ke Langkawi untuk menghalang kebangkitan dan menangkap para pejuang Melayu terlibat. Pada ketika itu dicatat mengenai peranan Sungai Perlis yang menjadi benteng menghalang kemaraan Inggeris oleh para pejuang Melayu.<sup>18</sup> Selain itu, di dalam tulisan beliu turut menyatakan gambaran mengenai bandar Kangar. Misalnya ketika lawatannya pada tahun 1838, digambarkan di bahagian tengah bandar Kangar terdapat sebuah masjid yang meninggi di antara pokok-pokok selain binaannya diperbuat daripada bahan binaan yang rapuh;

*In the center of the town a mosque like building rose amongst the trees, and proved that, although the many pretty houses scattered about might be as evanescent as their fragile construction indicated nevertheless the site of Kangah had both in Siamese as well as in Malay Annals been always considered that of the town..<sup>19</sup>*

Jelas di sini bahawa kisah sejarah Perlis tidak hanya ‘lenyap’ dan tercicir dalam rekod-rekod pelayar Eropah. Kepentingan kedudukan geografi yang berada di laluan Selat Melaka menjadikan Perlis antara negeri yang mempunyai manfaat kepada pihak Eropah sebagai lokasi persinggahan bagi melakukan kegiatan perdagangan, memperoleh bekalan makanan serta tempat mengekang kemaraan para pejuang Melayu.

### Karangan Cendekiawan Melayu dan Kisah Sejarah Negeri Perlis Sekitar Abad ke-16 hingga Abad ke-20

Pensejarahan Melayu atau manuskrip Melayu bercirikan sejarah mempunyai nilai ilmu yang tidak ternilai, kerana di dalamnya kaya dengan khazanah tradisi penulisan yang lazim diusahakan oleh pihak istana. Situasi ini tidak menghairankan kerana pada suatu ketika dahulu, istana ialah pusat penulisan dan perkembangan intelektual masyarakat Melayu. Kaedah mendokumentasikan kebijaksanaan pemerintahan beraja zaman silam mengandungi pelbagai berbentuk seperti undang-undang, susur galur keturunan raja dan kerabatnya, sejarah perihal ekonomi, bahasa dan budaya. Setiap institusi pemerintahan beraja Melayu memiliki manuskrip-manuskrip pensejarahan tersendiri yang bersifat istana-sentrik, misal Selangor

<sup>18</sup> Sherard Osborn, *My Journal in Malayan Waters, or The Blocked of Quedah*, London Routledge Warne and Routledge, 1860, hlm. 82.

<sup>19</sup> Sherard Osborn, *My Journal in Malayan Waters, or The Blocked of Quedah*, hlm. 274.

(*Kenang-Kenangan Selangor*), Perak (*Misa Melayu*), Johor (*Tuhfat al-Nafis*), Kelantan (*Hikayat Seri Kelantan*), Pahang (*Hikayat Pahang*) dan lain lagi.

Meskipun Perlis negeri terkecil serta termuda dalam pemerintahan beraja, tidak bererti negeri paling utara di Semenanjung Malaysia tidak mempunyai manuskripnya tersendiri serta kisahnya tercicir dalam karya-karya Melayu lain. Kenyataan ini dapat disangkal kerana sememangnya negeri Perlis memiliki manuskrip Melayu bernilai sejarah. Selain, para pujangga istana dalam kesultanan Melayu khusus negeri Kedah tidak mengabaikan kisah sejarah yang pernah berlaku dalam negeri Perlis.

Antara teks-teks Melayu karangan cendekiawan yang mengisahkan mengenai sejarah Perlis seperti *Salasilah Perlis*, *Salasilah D.Y.M.M. Raja-Raja Perlis: Perhubungan dengan Nabi Muhammad S.A.W., D.Y.M.M. Sultan Kedah, D.Y.M.M. Raja Kubang Pasu, Dato' Arau, dan Y.B. Dato' Pulau Langkawi, Seri Indera Kayangan, Nota-Nota Sejarah Negeri Perlis, Al-Tarikh Salasilah Negeri Kedah, Peringatan Raja-Raja Kedah, Salasilah Atau Tarekh Kerja-an Kedah*. Manuskrip bersejarah ini dilihat sebagai rakaman masa lampau negeri Perlis yang diwariskan secara turun-temurun oleh cendekiawan Melayu bagi tatapan masyarakat terkemudiannya.

Cendekiawan yang mengarang kisah sejarah mengenai negeri Perlis dapat dikategorikan kepada dua; iaitu cendekiawan Melayu Kedah yang tidak bermatlamat untuk menulis sejarah negeri Perlis (hanya menjadi sisipan dalam karya mereka) serta cendekiawan Melayu Perlis yang berhasrat untuk menulis mengenai sejarah negeri tanah kelahirannya. Antara manuskrip karangan cendekiawan Melayu Kedah seperti *Al-Tarikh Salasilah Negeri Kedah, Peringatan Raja-Raja Kedah, Salasilah Atau Tarekh Kerja-an Kedah*. Manakala *Salasilah D.Y.M.M. Raja-Raja Perlis: Perhubungan dengan Nabi Muhammad S.A.W., D.Y.M.M. Sultan Kedah, D.Y.M.M. Raja Kubang Pasu, Dato' Arau, dan Y.B. Dato' Pulau Langkawi, Seri Indera Kayangan, Nota-Nota Sejarah Negeri Perlis* merupakan antara hasil tulisan para cendekiawan Melayu Perlis.

Selepas Sultan Sulaiman Shah II (1602) yang bersemayam di Kota Siputeh, hanya satu generasi sahaja Sultan Kedah yang duduk di atas takhta Kota Naga iaitu Sultan Rijaluddin Muhammad Shah (1625–1652). Walau bagaimanapun, kemudian pusat pemerintahan Kedah berpindah ke Kota Sena. Ibukota yang didirikan oleh Sultan Kedah ke-14 iaitu Sultan Muhyiddin Mansur Shah (1653–1611) merupakan pusat pentadbiran pertama sekali dibina dalam Jajahan Perlis. Kerja-kerja pembinaan kota ini bermula pada tahun 1653 dan siap dua tahun kemudian. Tempoh yang panjang diperlukan untuk menyiapkan pembinaan istana baginda serta kaum kerabatnya seperti mana tertulis dalam *Al-Tarikh Salasilah Negeri Kedah*;

...maka pada delapan haribulan Jamadilawwal tahun Hijrah seribu enam puluh tiga (1063) Sultan Muhyiddin Mansor Shah Yang Maha Mulia bermuafakat dengan segala menteri-menterinya membangunkan sebuah kota di Sena. Maka dalam tahun hijrah seribu enam puluh lima (1065) pada tujuh belas haribulan Rabiulakhir kota Sena itu pun siap sekaliannya. Maka pada hari yang baik Duli Baginda Sultan Yang Maha Mulia dengan

sekalian istananya dengan menteri-menteri pun berangkat dari Kota Naga pergi bersemayam di Kota Sena...<sup>20</sup>

Pembukaan Kota Sena pada 24 Februari 1655 merupakan titik tolak kepada perkembangan penempatan awal penduduk Perlis. Sejajar dengan pembinaan kota tersebut pada masa yang sama turut memberi kesan kepada pembukaan sebuah kawasan baru untuk diterokai, iaitu Kangar pada tahun 1653. Selang beberapa tahun, Kedah diselubungi kedukaan apabila Sultan Muhyidin Mansur Shah, Sultan Kedah ke-14 telah pun mangat pada tahun 1661 dan dimakamkan di Kota Sena.

Peralihan tumpuk pemerintahan Kesultanan Kedah kepada Sultan Dhiauddin Mukarram Shah (1661-1687) menyaksikan perubahan pusat pentadbiran sekali lagi. Pada kali ini, Kota Indera Kayangan (Perlis) telah dipilih dan diangkat sebagai pusat pemerintahan baru untuk dibangunkan sebagai sebuah kota pemerintahan di dalam Jajahan Perlis. Pada peringkat awal, kota ini dikenali sebagai Kota Palas<sup>21</sup> namun disebabkan telah mengalami pelbagai kemajuan sepanjang pemerintahan Sultan Dhiauddin Mukarram Shah, kemudiannya diberi nama Kota Kayangan. Tambahan itu, kelebihan yang dimiliki diperkuatkan lagi dengan Perlis memiliki kawasan tanah yang luas serta subur yang menyebabkan kawasan disekitar Kayang sangat sesuai untuk diterokai sebagai sawah bendang dicampur dengan Sungai Perlis<sup>22</sup> sebagai sumber pengairan telah menjadikanya pilihan utama pemerintah Kedah. Dalam zaman tersebut, Sultan Dhiauddin Mukarram Shah telah mengadakan matawang yang berbentuk 8 segi yang diperbuat daripada campuran tembaga dan perak.<sup>23</sup> Pada zaman, Sultan Dhiauddin turut dijalankan sebuah projek mengorek sungai dari Kota Indera Kayangan Pertama terus ke selatan Jajahan Perlis dengan melalui beberapa mukim dalam Jajahan Kedah menembusi dan bertemu dengan Sungai Kedah di Anak Bukit. Diringkaskan, pada tahun 1688., baginda mangat dan dimakamkan di Kota Kayangan (Perlis), bergelar Almarhum Kayang Pertama.<sup>24</sup>

Kisah mengenai Perlis oleh cendekiawan Melayu tidak berakhir begitu sahaja, malah dikisahkan bahawa Sultan Kedah selepasnya telah menjadikan Kota Giam sebagai pusat

<sup>20</sup> Muhammad Hassan Muhammad Arshad, *Al-Tarikh Salasilah Negeri Kedah*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 1968. hlm. 76

<sup>21</sup> Dahulunya Kota Kayangan dikenali dengan nama Kota Palas disebabkan struktur bumi yang ditumbuhki dengan pokok palas. Disebabkan kota ini dikelilingi oleh bukit bukau serta dihiasi dengan permandangan indah awan dan langit telah menjadikannya seolah-olah berada di atas kayangan.

<sup>22</sup> Lembah Sungai Perlis menghulurkan punca pendapatan kedua terbesar kepada pemerintah Kedah. Selain itu, Kuala Perlis seperti yang ketahui kini merupakan sebuah perkampungan nelayan yang terletak di muara Sungai Perlis. Namun pada suatu ketika dahulu kawasan ini telah menjadi laluan utama pedagang dan saudagar dari India, Parsi dan Belanda yang membawa pelbagai jenis barang dagangan. Muara ini turut menjadi persinggahan kapal-kapal pedagang pada sekitar kurun ke-15. Lama-kelamaan kawasan ini menjadi maju dan semakin pesat berkembang. Ia menjadi sebuah pelabuhan perdagangan yang turut bersaing dengan pelabuhan-pelabuhan lain di Kuala Muda, Kuala Merbok dan Kuala Kedah. Bagi keterangan lanjut sila rujuk, Tang, Julie Su Chin, *Sejarah Kerajaan Perlis 1841-1957 (History of the Kingdom of Perlis, 1841-1957)*, hlm. 36.

<sup>23</sup> Asas kemakmuran, kemajuan Kota Indera Kayangan Pertama sebagai pusat pemerintahan dibuktikan melalui fakta sejarah iaitu, mata wang berbentuk lapan segi yang diperbuat daripada campuran tembaga dan perak, setiap keeping seberat 0.77 gram dapat dihasilkan. Rujuk, Ahmad Fawzi Mohd. Basri (penyunting), *Syed Sirajuddin Putra Jamalullail*, hlm. 9

<sup>24</sup> Ahmad Ismail dan Yazid Mat, *Perlis Indera Kayangan: Sejarah Pembentukan Sebuah Negeri Berdaulat*, hlm. 6

pemerintahan.<sup>25</sup> Dibuktikan melalui manuskrip *Salasilah Atau Tarekh Kerajaan Kedah*, yang menyebut bahawa sewaktu pemerintahan Sultan Muhammad Jiwa Zainal Adilin II (1710–1778), baginda turut memilih Perlis sebagai pusat pemerintahan.

*Pada Hajarat 1107 Sultan Mahamad Jewa telah buka lagi suatu Kota Negeri di dalam Perlis di tempat yang bernama Wai yang dinamakan Negri itu Negri Perlis Kota Kayangan... Pada Hajarat 1188 Sultan Mahamad Jewa molaie perbuat suatu kota lagi di Anak Bukit kerana hendak ditabalkan Tenku Abdullah menjadi Raja di dalam Negri Kedah. Akan Tenku Zayaudin menjadi Raja di dalam Negri Perlis ... Pada Hajarat 1190 telah ditabalkan di Kota Anak Bukit Sultan Abdullah menjadi Raja di dalam Kedah dan Tenku Zayaudin menjadi Raja Muda di dalam Negri Perlis.<sup>26</sup>*

Pada zaman pemerintahan Sultan Muhammad Jiwa Zainal Adilin II dan Sultan Abdullah Mukarram Shah berlaku beberapa peristiwa penting di Perlis, seperti pernikahan Raja Juang Tawa (putera Bugis dari Makasar) dengan Tengku Sapura Negara, rundingan antara Kedah dan *East India Company* pada tahun 1772 serta beberapa lagi. Menurut pandangan Kobkua Suwannathat-Pian, Kayang (Perlis) merupakan sebuah tapak pemerintah raja yang lebih kukuh dan selamat berbanding Kota Setar, khusus ketika mendapat ancaman dari kuasa-kuasa luar.<sup>27</sup> Apabila Sultan Muhammad Jiwa Zainal Adilin II serta Sultan Abdullah Mukarram Shah menduduki takhta, Kayang (Perlis) mempunyai taraf yang tersendiri dalam Kesultanan Kedah. Secara praktiknya semasa Tengku Dhiauddin menjadi Raja Muda Kayangan, Perlis berada di luar bidang kuasa pemerintah Kedah. Pada tahun 1798, Tengku Dhiauddin telah dipilih oleh para pembesar Kedah sebagai pengganti Sultan Abdullah Mukarram Shah dan sempat mentadbir selama beberapa tahun (1798–1803) sebelum diserahkan kepada Tunku Pangeran.

Biarpun begitu, karangan cendekiawan Melayu di dalam manuskrip *Peringatan Raja-Raja Kedah*, menambah ketika kemangkatan Sultan Abdullah Mukarram Shah pada tahun 1797, berlaku perselisihan antara Tunku Pangeran dan Tunku Ibrahim dengan para pembesar negeri. Dikisahkan dalam manuskrip ini, jenazah Sultan Abdullah Mukarram Shah tidak dapat dimakamkan sehingga Raja Muda Kayang Tunku Dhiauddin dilantik sebagai pengganti baru Sultan Kedah. Kedatangan Raja Muda Kayang ke upacara pengkebumian, telah menitahkan supaya jenazah Sultan Abdullah Mukarram Shah dimakamkan di... . Menerusi titah perintah tersebut, Tunku Dhiauddin ditabalkan sebagai sultan walaupun pada mulanya baginda dikatakan menolak. Pengarang manuskrip *Peringatan Raja-Raja Kedah*, seterusnya

<sup>25</sup> Perubahan pusat pemerintahan dan tempat bersemayam Sultan-sultan Kedah sudah menjadi tradisi ataupun suatu kemestian pada zaman tersebut. Dilihat apabila berlaku perubahan pemerintahan (perlantikan sultan baru), maka secara langsung pusat pentadbiran turut berpindah. Menurut Alwi Sudin dalam penulisannya, keadaan tersebut berlaku atas dua sebab, pertama berkemungkinan berpuncak daripada kepercayaan karut yang diamalkan oleh masyarakat ketika itu. Selain atas faktor kepentingan keselamatan yang mengakibatkan wujudnya beberapa buah kota (pusat pemerintahan Kedah) termasuk Perlis. Lihat, Alwi Sudin, "Kota Indera Kayangan", *Warisan Indera Kayangan*, Perlis: Unit Penerbitan PPANP, 2004, hlm. 19.

<sup>26</sup> Wan Yahya bin Wan Muhammad Taib bin Temenggong Wan Musa al-Shahid bin Temenggong Sri Raja Petra, *Salasilah Atau Tarikh Kerajaan Kedah*, Alor Star: Di-chap oleh British Malaya Press, 1329 [1911], hlm. 5

<sup>27</sup> Kobkua Suwannathat-Pian, "Kesultanan Perlis", dalam *Ensiklopedia Sejarah dan Kebudayaan Melayu*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 1994., hlm. 1217-1218.

menceritakan akibat sering memenuhi permintaan anak saudaranya hingga menyebabkan situasi tidak stabil seperti segala pendapatan negeri tidak terselenggara dengan baik.<sup>28</sup> Suasana tersebut, menyebabkan Tunku Pangeran berangkat ke Siam untuk memohon bantuan dan pengiktirafan. Melalui persetujuan Raja Siam, dilantik Tunku Pangeran sebagai Sultan Kedah baru manakala Raja Muda Kedah disandang oleh Tunku Ibrahim. Pengambilalihan itu mengakibatkan Tunku Dhiauddin kembali semula bersemayam di Kayang.

Setelah Tunku Pangeran diangkat sebagai sultan bergelar Sultan Ahmad Tajuddin Halim Shah II, 1804 – 1843, Kedah tidak sunyi daripada timbul penentangan antara kerabat diraja. Misalnya, antara penyebab yang mendorong kepada penyerangan Ligor ke atas Kedah pada tahun 1821 apabila wilayah Kayangan menjadi rebutan. Penulis *Al-Tarikh Salasilah Negeri Kedah*, meriwayatkan konflik bermula apabila Tunku Ya'akob (Tunku Embom) bermohon kepada Sultan Ahmad Tajuddin II untuk memerintah Kayang dan Setul bagi mengantikan Raja Muda Kayangan Tunku Dhiauddin, yang mangkat (bergelar Marhum Kayang Kedua). Namun permintaan Tunku Ya'akob ditolak walaupun tiga kali beliau mengadap Sultan Kedah.<sup>29</sup> Penolakan tersebut menimbulkan rasa tidak puas hati dan dendam Tengku Ya'akob kerana Sultan Ahmad Tajuddin II hendak menyerahkan kawasan Kayang kepada adinda sepupu iaitu Tunku Yusof dan Tunku Ya'akob diberi kawasan Kota Setar.<sup>30</sup> Tunku Ya'akob bersama pengikutnya mengadap Raja Ligor iaitu Chao Phya Nongkon Sri Tamrat untuk menyatakan hasratnya untuk merampas Kota Kayang serta Kerajaan Kedah.<sup>31</sup>

Rombakan kedudukan Perlis daripada sebuah jajahan takluk menjadi sebuah institusi beraja merdeka dan baru berlaku sekitar tahun 1839 hingga 1843,<sup>32</sup> menyebabkan

<sup>28</sup> Zahir Ahmad, "Peringatan Raja-Raja Kedah: Suatu Pengenalan Naskhah", dalam Rogayah A. Hamid & Mariyam Salim, *Kesultanan Melayu Kedah*, hlm. 215-216; *Peringatan Raja-Raja Kedah*, hlm. 24; berbunyi:

...Demikian lagi peroleh di dalam negeri daripada hasil mahsul cukai pun ikut siapa-siapa dan ialah boleh kerana rakyat-rakyat pada segala mukim ikut suara rakyat-rakyat itu. Ada yang duduk pada Tengku Pangeran tiga empat puluh mukim, yang duduk pada Tengku Ibrahim empat lima puluh mukim. Dan pada menteri pegawai setengah barang faedah yang keluar di dalam mukim-mukim itu jadi perolehan orang memegang mukim. Itu pun tiada disimpannya, boleh akan dia setengahnya sahaja...

<sup>29</sup> Muhammad Hassan bin To' Kerani Muhammad Arshad, *Al-Tarikh Salasilah Negeri Kedah*, hlm. 146.

<sup>30</sup> Ibid.

<sup>31</sup> Selain itu, kawasan Kota Kayang ini mempunyai nilai keselamatan yang tinggi disebabkan struktur geografi strategik. Hal ini kerana kota ini berdekatan dengan laut disamping muaranya yang sempit memberi peluang perlindungan semula jadi daripada serangan musuh. Kota ini dibina di kawasan yang dikelilingi bukit seperti Bukit Papan, Bukit Kubu, Bukit Wai, Bukit Lambung Panah, Bukit Nasi Sebungkus, Bukit Besi Hangit, Bukit Menara, Bukit Kayang, dan Bukit Jagat Hitam. Ini memberi kelebihan kepada Kota Kayang kerana bukit tersebut menjadi 'perisai' keselamatan kepada Kota Istana sekiranya berlaku serangan dari pelbagai sudut. Selain itu, bukit-bukit ini turut berfungsi sebagai menara kawalan. Apabila berlakunya perperangan, panglima akan mendaki bukit tersebut untuk memantau serangan daripada pihak lawan dan terdapat juga gua pada bukit ini yang dipercayai menjadi tempat persembunyian kerabat raja sewaktu perperangan. Keterangan lanjut, rujuk *Akhbar Sinar Harian*, "Mengimbau Sejarah Kota Kayang di Perlis", 17 Disember 2011.

<sup>32</sup> Serangan dan penaklukan Siam ke atas Kedah pada tahun 1821 dan pendudukannya sehingga 1842, mencetuskan beberapa siri perperangan yang melibatkan perjuangan orang Melayu Kedah dalam membebaskan tanah air dan memulihkan semula kedaulatan Kerajaan Kesultanan Kedah serta maruah bangsa Melayu. Sejarawan membahagikan perang antara Kedah dengan pihak Siam kepada dua jenis bentuk perperangan, iaitu perang gerila yang wujud sepanjang masa dan perang terbuka yang meletus pada tahun 1823, 1828-1829, 1829-1831, 1836 dan 1828-1839. Rujuk, Abdullah Zakaria, "Menoleh Sejarah Membetulkan Arah", Jabatan Sejarah, Universiti Malaya Kuala Lumpur, hlmn. 8; Mohd Isa Othman, *Pentadbiran Siam di Kedah 1821-1842*,

muncul sebuah institusi pemerintahan diraja dibawah Dinasti Keluarga Jamalullail yang berkekalan sehingga hari ini. Sejarah awal mencatatkan bahawa individu yang mula-mula meletakkan asas kepada penubuhan serta peneroka kawasan Perlis ialah Penghulu Arau Tuan Syed Harun Jamalullail.

Diringkaskan, Tuan Syed Harun Jamalullail adalah hasil perkahwinan Syed Ahmad ibni Syed Hussin Jamalullail dengan Sharifah Aminah binti Sharif Muhammad Taha Al-Qadri sewaktu menetap di Limpong, Kedah.<sup>33</sup> Setelah kematian ayahandanya maka Syed Harun telah berangkat ke Chenak bersama-sama dengan Syed Umar Al-Qadri (ayah saudara). Di sana beliau telah tinggal bersama Syed Ibrahim Al-Qadri (Tok Ku Chenak). Tidak lama selepas itu, Tuan Syed Harun dan Tok Ku Chenak serta keluarga mereka berangkat kembali ke Kedah dan berkebetulan ketika itu Jajahan Perlis (Kayang) di bawah jagaan dan kuasa Tunku Dhiawuddin maka diberi kebenaran untuk menetap di suatu kawasan dalam Jajahan Perlis (Arau dan Padang Siding).<sup>34</sup> Dengan kebolehan dalam memperkembangkan kawasan Arau akhirnya Tuan Syed Harun dilantik sebagai Penghulu Arau yang pertama. Dicatatkan oleh pengarang *Salasilah Perlis*, berbunyi;

...tatkala itu Yang Dipertuan Tunku Pangeran dikurniai negeri Perlis ini kepada Syed Harun dan kepada saudaranya Tunku Ku Cik (Tunku Tunjong), mari memerintah di Perlis ini iaitu di Kota Arau memerintah ia seperti keadaan raja. Akan tetapi bukannya raja ialah wakilnya sahaja. Dipanggil orang Perlis itu Tuan Besar...<sup>35</sup>

Sekiranya dibuat perbandingan dengan *Al-Tarikh Salasilah Negeri Kedah* serta *Salasilah Atau Tarekh Kerajaan Kedah*, manuskrip *Salasilah Perlis* menyatakan bahawa Tunku Pangeran (Sultan Ahmad Tajuddin Halim Shah II) telah melantik Tuan Syed Harun Jamalullail sebagai Penghulu Arau Pertama. Namun, sekiranya meneliti naskhah *Al-Tarikh Salasilah Negeri Kedah*, penulis naskhah sekadar menjelaskan bahawa Tuan Syed Harun Jamalullail berasal dari Palembang dan berkunjung ke Kedah yang akhirnya membuka kebun serta kampung di Arau.

...maka akan Tunku Sofiah itu dikahwinkan dengan Tuan Syed Abu Bakar yang mempunyai nama timang-timangan iaitu Tuan Syed Harun Jamalullail, peranakan Palembang yang datang ke Kedah membuka sebuah kebun dan kampung halaman di Arau. Mereka beroleh seorang anak laki-laki bernama Tuan Syed Hussin Jamalullail. Demikianlah adanya...<sup>36</sup>

Hasil perkahwinan Tuan Syed Harun dengan Wan Fatimah, menyebabkan pada tahun 1805 [1220 Hijrah] mereka dikurniakan seorang putera bernama Syed Hussin Jamalullail. Sejak dari kecil, Tuan Syed Hussin Jamalullail dibesarkan dalam persekitaran kaum kerabat

Persidangan Majlis Wawancara Warisan: 100 Tahun Perjanjian Bangkok 1909 (12-13 Mei 2009), Auditorium Arkib Negara Malaysia, hlm. 8.

<sup>33</sup> Ahmad Ismail dan Yazid Mat, *Perlis Indera Kayangan: Sejarah Pembentukan Sebuah Negeri Berdaulat*, hlm. 25

<sup>34</sup> Ibid., hlm. 26-27.

<sup>35</sup> *Salasilah Perlis*, hlm. 7.

<sup>36</sup> Muhammad Hassan bin To' Kerani Muhammad Arshad, *Al-Tarikh Salasilah Negeri Kedah*, hlm. 137.

diraja dan para pembesar Kedah di Kota Kayang. Keakraban yang terjalin serta kepimpinan yang dimiliki, tidak hairanlah setelah kematian ayahandanya pada tahun 1825 jawatan Penghulu Arau diwarisi oleh beliau. Setelah itu, pada tahun 1839 Tuan Syed Hussin Jamalullail diangkat menjadi Timbalan Gabenor dan Gabenor Perlis. Jelas pada tahun 1839, adalah tahun yang sangat bermakna bagi Jajahan Perlis memandangkan dalam tahun tersebut taraf (status) Perlis dinaikkan daripada sebuah jajahan kepada sebuah negeri. Identiti sebagai suatu unit politik tersendiri diperoleh apabila kerajaan Siam memberi mandat bagi mempunyai Gebenor sendiri. Pada tahun 1843 adalah kemuncak penglibatan Tuan Syed Hussin Jamalullail dalam pentadbiran apabila pada tersebut baginda dilantik sebagai Raja Perlis Pertama.

Sebelum Perlis pengiktirafan sebagai sebuah kerajaan berdaulat, ‘jajahan kecil’ ini terpaksa menempuh liku-liku sewaktu konflik Kedah-Siammeletusserta penaklukan Siam di Kedah (1820-1842). Selain Tunku Anom, Tunku Muhammad Sa’at, Tunku Kudin diangkat sebagai wira dalam mengembalikan kedaulatan Kedah daripada Siam, Tuan Syed Hussin Jamalullail tidak terkecuali menjadi ‘hero’ dalam episod terbabit.<sup>37</sup> Diriwayatkan dalam *Al-Tarikh Salasilah Negeri Kedah*, sebelum tahun 1838 Tunku Anom, Tuan Syed Hussin dan rombongannya ke Ligor sebagai ikhtiar terakhir setelah Kedah mengalami kekalahan dalam beberapa siri perperangan. Keberangkatan yang dirancang tersebut merupakan taktik perperangan untuk berbaik-baik dengan pihak musuh (Ligor). Sewaktu di Ligor berlangsung perkahwinan antara Tuan Syed Hussin dengan Tunku Aishah. Pernikahan tersebut merupakan ‘cara halus’ pihak Kedah untuk menambat hati serta memperoleh kepercayaan daripada Raja Ligor. Akhirnya pihak Bangkok pada tahun 1839 telah menyerah kembali pentadbiran negeri Kedah kepada para pemimpin Melayu tempatan.

Penyerahan semula Kedah menyaksikan negeri ini telah dibahagikan kepada empat buah negeri ‘muang’ terdiri daripada Kedah, Kubang Pasu, Perlis serta Setul yang masing-masing diperintah oleh seseorang Gabenor. Kemudian diberi pada pemerintah empat negeri ini diberi gelaran raja ‘phya’ oleh Raja Siam (Rama III) pada tahun 1843 maka bermulalah perkembangan sejarah Perlis yang telah muncul sebagai sebuah negeri berasingan dari Kedah secara teori serta amalannya. Sepanjang pengamatan yang dilakukan, setiap gelaran yang dikurniakan oleh Raja Siam khususnya Perlis memiliki panggilan tersendiri dan ini telah dirakamkan oleh pengarang *Salasilah Perlis*;

...maka keluarlah titah pula seperti beri tempoh berapa hari boleh mari pula kerana hendak dirasai nama bagi patut padan dengan rupa. Maka bermohonlah raja Ligor bawalah Syed Hussin ke tempat duduk cukup hari tempoh raja Maha Besar Siam...suruh bawa keluar surat ...itu bacakan beri dengar akan gelaran namanya Syed Hussin itu demikian bunyinya: iaitu Phya Wichit Songkram Rama Wichit Willis Asmara Phya Perlis demikian adanya ... maka baliklah Syed Hussin sekalian ke Perlis memerintah negeri Perlis menurut seperti mana peraturan...<sup>38</sup>

<sup>37</sup> Dicatatkan bahawa Tuan Syed Hussin bersama-sama dengan Tengku Anom Paduka Raja Jambangan serta Tengku Seraja Wang telah berangkat ke Pulau Pinang untuk menjemput kembali Sultan Ahmad Tajuddin II kembali bertakhta di Kedah. Selain itu, diwujudkan negeri-negeri baru oleh pihak Siam adalah bertujuan untuk menyekat kebangkitan semula masyarakat Kedah menentang Siam.

<sup>38</sup> *Salasilah Perlis*, hlm. 20

Walaupun gelaran perjawatan yang dianugerahkan oleh Raja Siam menurut *Salasilah Perlis* berbunyi, ‘*Phya Songkram Rama Wichit Wilis Asmara Phya Perlis*’, sementara Al-Tarikh Salasilah Negeri Kedah menyebut ‘*Phya Indera Kayangan*’. Meskipun berbeza tetapi gelaran ‘*Phya*’ sudah nyata membuktikan bahawa Bangkok telah memberi pengabsahan Perlis sebagai sebuah negeri berasingan dan melantik seorang raja bagi memerintahnya. Selain cendekiawan Melayu Kedah dan Perlis mencatatkan babit-babit awal penubuhan Perlis, terdapat juga karya yang memperihalkan persempadanan antara negeri-negeri baru tersebut khususnya Perlis ketika pemerintahan Raja Syed Hussin Jamalullail:

*Adalah asal perentahan Negri Kedah termasuk sekali Negri Perlis, Negri Setol dan pulau-pulau sampai di perenggan Negri Morgi ketika Siam sudah tawan Negri Kedah itu dipecahkan jadi 4 bahagian Negri Setol diberi kepada Tenku Bisnu menjadi Raja dengan perentahan yang asing-asing dan Negri Perlis diberi kepada Syed Hussin Jamallulail menjadi Raja dengan perentahnya yang asing-asing ... maka perenggan Negri Kubang Pasu itu diantara tebing Sungai Kedah sebelah utara daripada Kuala Alor Madi sampai ke ulu Sungai Padang Terab dan daripada Kuala Alor Madi pergi ke utara ikot sungai jalan ke Perlis pergi bertumpu dengan Negri Perlis ditempat yang bernama Kurong Anai yang dipanggil sekarang Mukim Jelempok.*<sup>39</sup>

Maka dengan ini sudah rasmilah Syed Hussin Jamalullaildilantik serta ditabalkan sebagai Raja Perlis yang pertama<sup>40</sup> walaupun tidak lama selepas itu terjadi sesuatu konflik antara Perlis dan Kedah sekitar 1890-an. Kobkua Suwannathat-Pian, ada menyatakan bahawa keselamatan institusi diraja Perlis di bawah dinasti Syed Jamallulail dari 1841 hingga 1909 bergantung kepada dasar Bangkok.<sup>41</sup> Dengan itu, tidak keterlaluan dikatakan bahawa kewujudan institusi beraja di Perlis adalah kesan campur tangan kuasa Siam dan legitimasi pemerintahan berasaskan surat tauliah dari Raja Siam hingga tahun 1909, yang menjadi alat kebesaran bagi Raja Perlis ketika itu.

Selain para cendekiawan Melayu menarafikan kisah-kisah penubuhan Perlis, wujud juga penulisan yang bercirikan genologi (salasilah) keluarga diraja Perlis. Manuskrip *Salasilah DYMM Raja-Raja Perlis Perhubungan Dengan Nabi Muhammad S.A.W, DYMM Sultan-Sultan Kedah, DYMM Raja Kubang Pasu, Dato Arau dan Dato Pulau Langkawi*, antara penulisan yang mengaitkan hubungan nasab diraja Perlis dengan keluarga yang berpengaruh dalam sejarah Islam dan Kesultanan Kedah. Pada permulaan karya ini disenaraikan sebanyak lapan generasi dimuatkan untuk bahagian keluarga Raja-Raja Perlis iaitu dari Penghulu Arau pertama sehingga Raja Muda Tuanku Syed Faizuddin Putra Jamalullail. Selain itu, karya ini turut mencatatkan pertalian antara Orang Besar Pulau Langkawi Dato Kendong (Dato Dundong) dengan DYMM Tuanku Syed Harun Putra Jamalullail, begitu juga hubungan dengan Dato Arau (Perdana Menteri Perlis Pertama)

<sup>39</sup>Wan Yahya bin Wan Muhammad Taib bin Temenggong Wan Musa al-Shahid bin Temenggong Sri Raja Petra, *Salasilah Atau Tarikh Kerajaan Kedah*, Alor Star: Di-chap oleh British Malaya Press, 1329 [1911], hlmn. 9

<sup>40</sup>Muhammad Hassan bin To' Kerani Muhammad Arshad, *Al-Tarikh Salasilah Negeri Kedah*, hlm.175; Tang Julie Su Chin, *Sejarah Perlis 1841-1957 (History of the Kingdom of Perlis, 1841-1957)*, Kuala Lumpur: MBRAS, 2002, hlm. 12; Hussin Baba Mohamad, “Sejarah Negeri dan Raja-Raja Perlis”, *JMBRAS*, Jilid XLII, Bhgn 2, 1969, hlm 177.

<sup>41</sup>Kobkua Suwannathat-Pian, “Kesultanan Perlis”, dalam *Ensiklopedia Sejarah dan Kebudayaan Melayu*, hlm. 1218.

dengan Raja Syed Hussin Jamalullail yang merupakan hubungan antara anak dan ayah mentua. Tidak setakat itu sahaja, hubungan kekeluargaan Perlis turut berkait dengan Tunku Anom Raja Kubang Pasu Pertama, apabila Raja Muda Kubang Pasu Tunku Md Saman berkahwin dengan Sharifah Shifa' binti Raja Syed Hussin Jamalullail dan dikurniakan empat orang anak. Akhir sekali, keluarga diraja Perlis turut dihubungkan dengan nasab Nabi Muhammad s.a.w yang bersusur galur melalui cucu kesayangan Rasulullah iaitu Saidina Hasan dan Saidina Husin. Wan Yahya bin Wan Muhammad selaku pebesar Kedah<sup>42</sup> tidak terkecuali dalam penulisannya *Salasilah Atau Tarekh Kerajaan Kedah* membangkitkan perhatian pembaca apabila mengisahkan hubungan persaudaraan diraja di antara keluarga Raja Syed Saffi Jamalullail Perlis dengan Raja Setul, Tengku Abdul Rahman yang berstatus sepupu;

*Di chetrankan sedikit dari hal Negri Perlis dan Negri Setul pada Hajarat 1314  
Tuan Syed Saffee menjadi Raja di dalam Negri Perlis akan Raja Perlis itu sodara  
sepupu dengan Sultan sebelah bonda sultan di dalam Negri Setul Tenku Abdul  
Rahman menjadi raja akan raja setul itu sodara sepupu juga dengan sultan  
sebelah ayahanda baginda sultan.<sup>43</sup>*

Dengan ini jelaslah bahawa telah wujud pertalian persaudaraan kedua-dua kerajaan sejak sekian lama lagi dan hubungan kekeluargaan tersebut berkekalan sehingga kini. Penerangan tidak terbatas kepada pertalian kekeluargaan diraja sahaja bahkan turut memperihalkan mengenai pembinaan jalan raya pada tahun 1902 hingga 1904.<sup>44</sup> Penting juga disebutkan bahawa sewaktu pemerintahan Raja Syed Saffi Jamalullail (1897-1904) mula berlaku kemajuan dan pembangunan negeri Perlis. Ini terbukti apabila jalan-jalan raya dan tali air yang terdapat di Perlis kian pesat adalah hasil pengasasan pembinaanya oleh baginda. Perhubungan jalan raya yang menyambungkan negeri Perlis dan Kedah melalui Kodiang dan Jitra mula dibina pada tahun 1902 dan siap tiga tahun kemudian, ini seperti yangtercatat dalam *Salasilah Atau Tarekh Kerajaan Kedah*. Maka tidak hairanlah sekiranya baginda digelar ‘Pengasas Pembangunan Perlis’ atas sumbang bakti yang dicurahkannya dalam pelbagai cabang sama ada politik, ekonomi serta sosial kepada masyarakat Perlis.

Kisah sejarah mengenai Perlis dilanjutkan oleh cendekiawan Melayu Perlis dalam karya *Nota-Nota Sejarah Negeri Perlis*. Karya ini perbincangan lebih berfokus kepada zaman pemerintahan Raja Perlis Keempat Raja Syed Alwi ibni Raja Syed Saffi Jamalullail (1905 – 1942). Ketika pemerintahan baginda berlaku peralihan kuasa bagi negeri Perlis apabila kuasa naugan Siam berpindah kepada kuasa pemerintahan British, yang berlaku disebabkan

<sup>42</sup> Selain memiliki hubungan persaudaraan dengan Setul, Perlis tidak terkecuali daripada turut sama terjalin hubungan kekeluargaan dengan Negeri Kedah. Sedia maklum Kesultanan Kedah ketika itu ditadbir oleh Sultan Abdul Hamid Shah dan baginda adalah juga merupakan sepupu dengan Raja Syed Saffi sebelah bondanya. Bonda Raja Syed Saffi, Wan Tam adalah adinda kepada Wan Hajar (Wan Teh), iaitu bonda kepada Sultan Abdul Hamid. Yang menariknya juga, Wan Tam dan Wan Teh adalah saudara dengan Dato Wan Ismail, Paduka Laksamana Kedah. Dengan ini jelaslah, bahawa Raja Syed Saffi dan Sultan Abdul Hamid merupakan sepupu manakala Dato’Perdana Menteri Kedah Wan Muhammad Saman adalah ayahanda saudara dengan baginda berdua. Lihat, Ahmad Ismail dan Yazid Mat, *Perlis Indera Kayangan: Sejarah Pembentukan Sebuah Negeri Berdaulat*, hlm. 73

<sup>43</sup> Wan Yahya bin Wan Muhammad Taib bin Temenggong Wan Musa al-Shahid bin Temenggong Sri Raja Petra, *Salasilah Atau Tarikh Kerajaan Kedah*, hlm. 14.

<sup>44</sup> ...Akan jalan besar daripada simpang Jetra pergi ke Negri Perlis itu di molaie perbuat pada tarekh 1320 di dalam tahun 1324 dipersudahkan..Rujuk; Ibid., hlm.18.

kegentingan perbelanjaan dan kewangan untuk melakukan urus tadbir pemerintahan. Perlis terpaksa meminjam sebanyak \$230,000 kepada Kerajaan Siam dengan bersyarat. Salah satu tuntutan yang mesti dipenuhi apabila Negeri Perlis harus menerima seorang penasihat kewangan yang dihantar oleh Kerajaan Siam. Perjanjian Hutang Perlis –Siam 1905 telah membawa kepada penubuhan Majlis Mesyuarat Negeri ‘*State Council*’. Raja atau sultan negeri-negeri-mempunyai kedudukan yang tinggi sebagai Pengurus Majlis Mesyuarat Negeri, misalnya Raja Syed Alwi (Pengurus Majlis), manakala ahli-ahli lain terdiri; Syed Salim bin Syed Muhammad Al-Jafri (Bendahari Kerajaan), Syed Hassan bin Syed Alwi Jamalullail (Hakim Mahkamah Tinggi), Syed Abdullah Besarbin Syed Alwi Jamalullail (Ketua Pejabat Tanah) dan Dato Wan Teh bin Dato Arau (Menteri Raja-Raja).<sup>45</sup> Raja dan para pembesar negeri tertakluk kepada Majlis Mesyuarat Negeri dalam urus tadbir negeri dan segala nasihat dan serta keputusan yang dibuat oleh Pegawai Penasihat Kerajaan Siam dipatuhi kerana terikat dengan Perjanjian Hutang 1905. Berhubung dengan itu, kerajaan Siam menghantar A.H.Duke sebagai Pegawai Penasihat Kerajaan Siam yang berbangsa Inggeris ke negeri Perlis.<sup>46</sup> Walau bagaimanapun, penempatan penasihat kewangan dan penubuhan MMN masih belum dapat menstabilkan kedudukan kewangan di Perlis, malah penempatan pegawai Kerajaan Siam dilihat sebagai langkah campurtangan dan menguasai pentadbiran Perlis. Seterusnya, penulis *Nota-Nota Sejarah Negeri Perlis* menceritakan bahawa pihak British telah menempatkan seorang pegawai Konsul mereka bagi mengimbangi pengaruh Siam yang semakin ketara. Oleh itu, Meadow Frost dihantar ke Perlis dan menetap di Kangar.<sup>47</sup> Pelbagai peristiwa diperihalkan oleh penulis di dalam karya ini sewaktu kemasukan British di Perlis, kemudian *Nota-Nota Sejarah Negeri Perlis* juga memberi gambaran berhubung kemasukan Jepun di Perlis pada tahun 1941. Di dedahkan oleh penulis karya ini, situasi kedatangan Jepun ke Perlis serta tindakan yang dilakukan oleh British dalam mengekang kemaraan tersebut misalnya diceritakan pada 9 Disember 1941 tentera British telah meruntuhkan jambatan yang menghubungkan Utan Aji dengan Kangar apabila mengetahui kapal-kapal Jepun berada di Pulau Langkawi. Akhir penulis menyenaraikan nama-nama Penasihat Kerajaan Siam dan British yang pernah bertugas di Perlis seperti Meadow Frost, J.G. Richey, H.C Eckhardt, G.M. Laidlaw, H.C. Echardt, E.W.N. Wyatt sehingga pada E.V.G.Day.<sup>48</sup>

## Kesimpulan

Penulisan yang diusahakan oleh para pelayar Eropah dan cendekiawan Melayu merupakan sumber-sumber yang mengandungi fakta-fakta sejarah Perlis pelbagai yang memerlukan analisa serta interpretasi baru dapat supaya kelihatan ‘segar’. Sumber-sumber yang dimaksudkan wujud dalam berbaga-bagai jenis, bentuk atau bahagian sama ada berbentuk penulisan, catatan, lisan atau tinggalan (monumen). Selain, ada sumber sejarah mengenai Perlis dapat diperoleh di negeri ini sendiri dan juga sumber-sumber asing di dalam maupun luar negara. Catatan Pelayar Eropah dan masyarakat Melayu mengenai Perlis dalam lingkungan awal abad ke-16 hingga awal abad ke-20 yang mencakupi period Perlis sebagai

<sup>45</sup> *Nota-Nota Sejarah Negeri Perlis*, hlm. 2.

<sup>46</sup> Ibid., hlm. 3.

<sup>47</sup> Ibid.

<sup>48</sup> Ibid., hlm. 37.

sebuah jajahan negeri Kedah, Perlis bernaung di bawah Kerajaan Siam hingga 1909, Perlis dinaungi oleh British sehingga penaklukan Jepun ke atas Perlis 1941.

## Rujukan

### Manuskrip Melayu & Buku Nadir

Microfilm 1055.8, *Peringatan Raja-Raja Kedah* [Jawi], Simpanan Perpustakaan Utama Universiti Malaya.

MS85 *Salasilah Perlis* [Jawi], Simpanan Dewan Bahasa dan Pustaka.

Muhammad Hassan Muhammad Arshad, 1968. *Al-Tarikh Salasilah Negeri Kedah*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

*Nota-Nota Sejarah Negeri Perlis*, Kumpulan Koleksi Manuskrip & Buku Nadir Perpustakaan Awam Negeri Perlis.

*Seri Indera Kayangan*, Kumpulan Koleksi Manuskrip & Buku Nadir Perpustakaan Awam Negeri Perlis.

Wan Yahya bin Wan Muhammad Taib bin Temenggong Wan Musa al-Shahid bin Temenggong Sri Raja Petra, 1911. *Salasilah Atau Tarikh Kerajaan Kedah*, Alor Star: Di-chap oleh British Malaya Press. [Jawi].

## Rekod Eropah

Bowrey, Thomas, 1905. *A Geographical Account of Countries Round the Bay of Bengal, 1669 to 1679*, Cambridge: Printed for the Hakluyt Society.

Ferdinand Mendez Pinto, diterjemah oleh Henry Cogan, 1891. *The Voyages And Adventures Of Ferdinand Mendez Pinto: The Portuguese*, London: T. F. Unwin.


James Low, 1847. ‘Notes on the Coal Deposits Which Have Been Discovered Along The Siamese Coast From Pinang to the Vicinity of Junkceylon’, *The Journal of the Indian Archipelago and Eastern Asia*, Vol. I, Singapore: Printed at the Mission Press.

Micheal Topping, 1850. ‘Some Account of Kedah’, *The Journal of the Indian Archipelago and Eastern Asia*, Vol. IV, Singapore: Printed for the Editor by G.M.Frederick.


## **Jurnal/Buku/Bab Buku/ Akhbar/Kertas Kerja**

- Abdullah Zakaria Ghazali, 2010. ‘Menoleh Sejarah Membetulkan Arah’, dalam *Melayu Islam Beraja Jiwa Raga Brunei*: Himpunan Kertas Kerja Persidangan Pakar Melayu Masjils Ilmu, Jabatan Perdana Menteri, Negara Brunei Darussalam.
- Ahmad Fawzi Mohd. Basri (penyunting), 2001. *Syed Sirajuddin Putra Jamalullail*, Kangar : Perbadanan Perpustakaan Awam Negeri Perlis.
- Ahmad Ismail dan Yazid Mat, 1992. *Perlis Indera Kayangan Sejarah Pembentukan Sebuah Negeri Berdaulat*, Kangar: Perbadanan Perpustakaan Awam Negeri Perlis.
- Akhbar *Sinar Harian*, 17 Disember 2011.
- Alwi Sudin, 2004. “Kota Indera Kayangan”, *Warisan Indera Kayangan*, Perlis: Unit Penerbitan PPANP.
- Hussin Baba Mohamad, 1969. “Sejarah Negeri dan Raja-Raja Perlis”, *JMBRAS*, Jilid XLII, Bhgn 2.
- Ibrahim Bakar Langkawi & Haji Shaaran Haji Hasan, 2014. *Kota Seputih Lindungan Bulan Sebagai Pusat Pemerintahan Kedah Darul Aman*, Kedah: Persatuan Sejarah Malaysia Cawangan Kedah.
- Julie Su Chin, 2002. *Sejarah Perlis 1841-1957 (History of the Kingdom of Perlis, 1841-1957)*, Kuala Lumpur: MBRAS.
- Kobkua Suwannathat-Pian, 1994. “Kesultanan Perlis”, dalam *Ensiklopedia Sejarah dan Kebudayaan Melayu*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Mohamed G. Khan, 1958. *History of Kedah*, Penang: Penang Premier Press.
- Mohd Isa Othman, *Pentadbiran Siam di Kedah 1821-1842*, Persidangan Majlis Wawancara Warisan: 100 Tahun Perjanjian Bangkok 1909 (12-13 Mei 2009), Auditorium Arkib Negara Malaysia.
- R. Bonney, 1971. Kedah, 1771-1821: *The Search For Security And Independence*, Kuala Lumpur: Oxford University Press.
- Richard Olof Winstedt, 1936. ‘Notes on the History of Kedah’, *Journal of the Malayan Branch of the Royal Asiatic Society of the Great Britain and Ireland*, V. 14, pt. 3, Singapore: Malayan Branch, Royal Asiatic Society.
- Zahir Ahmad, Khairunnaimah Abdul Latif dan Ahmad Hakimi Khairuddin , 2015. ‘Peringatan Raja-Raja Kedah: Sebuah Catatan Sejarah Negeri Kedah’, Abdullah


Zakaria Ghazali & Mohd Supian (editor) dalam *Bhakti Pendeta: Mengenang Jasa dan Sumbangan Profesor Dato' Dr. Othman bin Md. Yatim Dalam Budaya, Warisan dan Sejarah Malaysia*, Kuala Lumpur: Persatuan Muzium Malaysia.



*The Voyages and Adventures  
of Ferdinand Mendez Pinto:  
The Portuguese (1653)*



*Al-Tarikh Salasilah Negeri*



*MS85 Salasilah Perlis*